

# ISI KANDUNGAN

---

<b>1.0 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Tujuan dan Skop.....	<b>1</b>
1.2 Keperluan Sistem.....	<b>1</b>
1.3 Arahan Penggunaan Sistem.....	<b>1</b>
<b>2.0 PENGGUNA AWAM</b>	<b>2</b>
2.1 Paparan Antaramuka Utama.....	<b>2</b>
2.2 Bar Navigasi.....	<b>3</b>
2.3 Tool Navigasi.....	<b>3</b>
2.4 Tool Carian.....	<b>4</b>
2.5 Kawalan Lapisan.....	<b>4</b>
2.6 Tool Pengukuran.....	<b>5</b>
2.6.1 Pengukuran Jarak.....	<b>5</b>
2.6.2 Pengukuran Luas.....	<b>6</b>

## 1.0 PENGENALAN

### 1.1 Tujuan dan Skop

Manual Pengguna ini merupakan dokumen panduan dan rujukan untuk pengguna memahami dan menggunakan Sistem KaLIS yang telah dibangunkan. Dokumen ini mengandungi langkah-langkah penggunaan dan pengoperasian sistem yang ditunjukkan secara terperinci.



Skop Manual Pengguna Awam ini merangkumi pengoperasian seperti di bawah:

- I. Laman Utama
- II. Paparan Peta RTK

### 1.2 Keperluan Sistem


- I. Sistem KaLIS ini boleh di akses dari pelbagai jenis komputer dan telefon pintar pengguna.
- II. Pengguna memerlukan talian internet untuk mengakses sistem ini.
- III. Sistem ini boleh di akses melalui pelbagai pelayar web seperti Microsoft Edge, Internet Explorer, Google Chrome atau Mozilla Firefox dengan resolusi 1280 x 768 bagi paparan dan penggunaan sistem yang terbaik.
- IV. Pengguna memerlukan perisian PDF reader (Acrobat Reader, Foxit Reader, Nitro atau lain-lain) untuk memaparkan dokumen yang telah di muat turun dari sistem ini.

### 1.3 Arahan Penggunaan Sistem

1. Buka Pelayar Web (Microsoft Edge, Internet Explorer, Google Chrome atau Mozilla Firefox) untuk mengakses sistem ini.
2. Buka pautan laman sesawang Sistem KaLIS : <http://k-gis.kesedar.gov.my/>
3. Pengguna akan di bawa ke Laman Utama Sistem KaLIS apabila klik ke pautan laman sesawang.
4. Bagi pengguna awam, klik pada  . Laman aplikasi web GIS akan dipaparkan untuk kegunaan pengguna awam.
5. Bagi pengguna berdaftar, klik pada  . Laman log masuk akan dipaparkan. Masukkan ID pengguna dan Kata Laluan. Laman aplikasi web GIS akan dipaparkan untuk kegunaan pengguna berdaftar.

## 2.0 PENGGUNA AWAM

### 2.1 Paparan Antaramuka Utama






Terdapat 6 fungsi utama yang disediakan pada paparan antaramuka utama ini iaitu:


- **Bar Navigasi** : Menyediakan beberapa menu utama.
- **Tool Navigasi** : Menggerakkan kedudukan dan mengubah jarak zoom paparan peta.
- **Tool Carian** : Tool untuk fungsi carian maklumat di dalam peta.
- **Paparan Peta** : Ruangan paparan peta.
- **Kawalan Lapisan** : Mengawal lapisan paparan peta. Pengguna boleh mengubah dengan mematikan dan memaparkan lapisan peta yang dikehendaki.
- **Tool Pengukuran** : Fungsi untuk mengukur jarak di paparan peta.
- **Status Bar** : Ruang yang disediakan bagi memaparkan maklumat berkaitan koordinat kedudukan *cursor* pada peta, skala peta dan maklumat berkaitan sumber data paparan peta.


## 2.2 Bar Navigasi

Di bahagian Bar Navigasi, terdapat (5) fungsi lain iaitu:

1		Memaparkan ruangan penjelasan berkenaan Sistem KaLIS, Penafian dan maklumat menghubungi Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
2		Fungsi untuk memaparkan dan muat turun manual pengguna.
3		Fungis untuk memaparkan lokasi paparan semasa.


## 2.3 Tool Navigasi


1. Tool Navigasi ini digunakan untuk menggerakkan paparan peta ke kiri, kanan, bawah atau atas.
2. Tool  digunakan untuk membuat paparan penuh
3. Tool ini juga boleh digunakan untuk zoom in dan zoom out pada paparan peta. Sebagai alternatif lain, pengguna juga boleh menggunakan scroll pada tetikus untuk tugas ini.



## 2.4 Tool Carian


Fungsi ini untuk membuat sebarang carian maklumat ke atas peta


1. Klik icon 
2. Ruang carian akan dipaparkan.
3. Pengguna boleh membuat carian berpandukan pada kata kunci yang ingin dibuat.



## 2.5 Kawalan Lapisan

Fungsi ini untuk membolehkan pengguna memaparkan peta asas dan pelbagai lapisan data ke dalam paparan peta dalam bentuk spatial. Lapisan data sedia ada boleh diaktifkan dan dinyahaktifkan mengikut keperluan pengguna sendiri.

4. Klik icon 
5. Paparan senarai lapisan data akan dipaparkan
6. Pengguna boleh mengaktifkan lapisan data dengan klik pada  untuk memaparkan lapisan data pada peta.



Lapisan data diaktifkan dalam paparan peta

Lapisan data dinyahaktifkan dalam paparan peta



## 2.6 Tool Pengukuran

Tool ini digunakan untuk mengukur sesuatu objek di dalam paparan peta. Terdapat 2 Jenis pengukuran yang boleh dibuat menggunakan fungsi ini, iaitu:

1. Pengukuran Jarak
2. Pengukuran Luas

### 2.6.1 Pengukuran Jarak

1. Klik pada ikon **<Measurement>**.
2. Satu paparan *Measure distances and area* akan dipaparkan.
3. Klik **<Create a new measurement>** untuk memulakan proses pengukuran.
4. Klik pada peta mengikut objek yang hendak diukur.
5. Jumlah jarak dapat dilihat pada ruangan *Path distance*.
6. Jarak yang diberi adalah dalam unit Meter dan Kilometer.
7. Klik **<Cancel>** setelah selesai proses.



## 2.6.2 Pengukuran Luas

1. Klik pada ikon **<Measurement>**.
2. Satu paparan *Measure distances and area* akan dipaparkan.
3. Klik **<Create a new measurement>** untuk memulakan proses pengukuran.
4. Klik pada peta mengikut objek yang hendak diukur sehingga terbentuk poligon.
5. Setelah selesai, klik pada **<Finish Measurement>**.
6. Klik pada **<Center on this area>** bagi membolehkan paparan memfokus kepada objek yang telah diukur.
7. Luas yang diberikan adalah dalam unit Meter Persegi dan Ekar.
8. Setelah selesai kerja-kerja pengukuran, klik **<Delete>** untuk memadam.

